



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

PEKELILING MAJIKAN BIL. 8/97
TARIKH PENERIMAAN BORANG-BORANG TUNTUTAN BAYARAN BALIK KOS
LATIHAN YANG DIBENARKAN BAGI PENUTUPAN AKAUN 1997 MAJLIS
PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

1. OBJEKTIF

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada majikan-majikan yang berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) mengenai tarikh akhir penerimaan borang-borang tuntutan bayaran balik kos yang dibenarkan bagi penutupan akaun MPSM tahun 1997.

2. TARIKH AKHIR PENERIMAAN TUNTUTAN

- 2.1 Akaun MPSM tahun 1997 akan ditutup pada 31 Disember 1997, semua majikan yang berdaftar dengan MPSM adalah diperingatkan supaya mengemukakan semua tuntutan bayaran balik kos latihan yang dibenarkan **dengan lengkap, bersama dokumen sokongan**, bagi latihan yang telah tamat dijalankan dalam tahun 1997. MPSM telah menetapkan bahawa **tarikh akhir penerimaan tuntutan** di atas ialah pada 24 Disember 1997, supaya dapat diambil kira dalam akaun MPSM tahun 1997.
- 2.2 Bagi tuntutan program latihan yang tamat dan dikuiiri tahun 1997 dan juga tuntutan program latihan tamat pada akhir tahun 1997, yang tidak sempat dikemukakan pada 24 Disember 1997 kepada Urusetia MPSM, **majikan adalah dibenarkan menghantar tuntutan program latihan tahun 1997 selewat-lewatnya pada 30 Jun 1998** dengan lengkap dan bersama-sama semua dokumen sokongan. **Tuntutan yang tidak sempat dikuiiri dan didapati tuntutan tidak mencukupi dokumen sokongan, pengiraan hanya berdasarkan dokumen sokongan yang disertakan sahaja.**
- 2.3 Tuntutan program latihan yang tamat tahun 1997 dan **diterima oleh Urusetia MPSM selepas 30 Jun 1998 akan ditolak** dan keputusan ini adalah muktamad.

3. PERINGATAN

- 3.1 Untuk membolehkan tuntutan geran latihan diproses dan dibayar dengan lancar, sila pastikan semua tuntutan yang dihantar kepada MPSM dengan lengkap (**borang tuntutan diisi dengan betul, semua dokumen sokongan disertakan dan disahkan jika bukan salinan asal.**)
- 3.2 Bagi majikan yang mempunyai tunggakan levi, **semua tuntutan tidak akan dibayar sehingga** semua tunggakan levi beserta faedahnya dibayar oleh majikan. **Semua tuntutan majikan yang mempunyai tunggakan levi akan dikembalikan.**

3.3 Kerjasama para majikan dalam melaksanakan Pekeliling ini adalah sangat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

" **BERKHIDMAT UNTUK NEGARA** "

Saya yang menurut perintah,

(WAHAB BIN TASLIM)

Pengarah Kewangan,

b.p. Ketua Pengarah, Majlis Pembangunan Sumber Manusia.

